

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Asing OKT baharu, lama elak jangkitan

Penularan terhadap individu dalam sel sama boleh berlaku walaupun keputusan ujian RT-PCR negatif

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan meminta supaya Orang Kena Tahan (OKT) baharu supaya diasingkan daripada individu yang sudah lama dalam tahanan bagi membendung penularan COVID-19 seperti yang berlaku dalam Kluster Benteng Lahad Datu (LD).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua OKT itu perlu diasingkan walaupun Ujian Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) mendapat keputusan negatif.

"Kes indeks bagi Kluster Benteng LD ini adalah daripada warga asing. Apabila ujian saringan dilakukan ke atas kes terabit beliau tidak menunjukkan sebarang gejala atau demam sebelum di-

tempatkan dalam lokap di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) LD dan Penjara Tawau.

"Walaupun tiada gejala, apabila diletakkan dalam satu sel ia boleh menjangkiti individu yang lain. Jadi Prosedur Operasi Standard (SOP) kita kalau boleh asingkan OKT baharu dengan lama.

"Walaupun ujian RT-PCR negatif, tetap tidak boleh campurkan OKT baharu dengan lama kerana tempoh inkubasi virus itu ialah 14 hari.

"Selepas tempoh inkubasi itu tamat, baru boleh disekalikan OKT terabit," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sekiranya SOP itu dapat dilaksanakan sama ada di DTI atau penjara, ia dapat membendung penularan jangkitan daripada OKT baharu dengan yang lama.

Kluster Benteng LD yang dikesan 1 September lalu, memba-



Dr Noor Hisham pada sidang media harian di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

bitkan dua daerah di Sabah, Dr Noor Hisham berkata seramai 1,909 individu sudah disaring di Tawau dengan 83 daripadanya dikesan positif setakat ini, manakala 770 individu telah disaring di Lahad Datu dengan 87 kes dikesan positif.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, 45 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam dan daripada jumlah berkenaan 40 kes dikesan dalam Kluster Benteng

LD.

Empat lagi kes baharu dikesan di Kedah iaitu masing-masing satu kes daripada Kluster Sungai dan kes saringan bergejala di Klinik Kesihatan Simpang Kuala serta dua kes dikesan dalam Kluster Telaga.

Hanya satu kes import dicatatkan hingga jam 12 tengah semalam membabitkan rakyat Malaysia yang baru pulang dari Brazil.

"Kes baharu membabitkan penularan tempatan itu membabitkan 11 individu rakyat Malaysia dan 33 adalah warga asing. Dengan pertambahan kes baharu, jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini sebanyak 9,628 kes. Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan COVID-19 adalah 333 kes.

Hingga kini sembilan individu sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), yang mana lima kes memerlukan bantuan pernafasan. Tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan justeru, jumlah kumulatif kes kekal 128 kes bersamaan 1.33 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sementara itu, ketika ditanya sama ada penularan COVID-19 dalam Kluster Telaga dan Sungai itu mempunyai kaitan kerana membabitkan petugas kesihatan, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya masih belum mengetahui punca jangkitan.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham berkata berkemungkinan dua kluster itu mempunyai hubungan kait dengan Kluster Tawar dan Kluster Sivagangga kerana ia mempunyai kebolehan jangkitan yang sangat tinggi.

"Kalau lihat cara virus ini merebak (dalam Kluster Sungai dan Kluster Telaga) kebolehan jangkitannya amat tinggi dan kita rasa virus ini daripada Kluster Tawar dan Sivagangga. Tetapi kita belum boleh pastikan mengenai perkara ini dan makmal juga sedang jalankan ujian," katanya.

Daripada Kluster Sungai, seramai 1,456 orang sudah disaring di Kedah dengan 39 dikesan positif manakala tujuh individu disaring di Perlis dengan satu kes positif, sementara bagi Kluster Telaga pula, seramai 4,626 individu sudah disaring di Kedah dengan 13 dikesan positif.

Walaupun tiada gejala, apabila diletakkan dalam satu sel ia boleh menjangkiti individu yang lain. Jadi Prosedur Operasi Standard (SOP) kita kalau boleh asingkan OKT baharu dengan lama.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

KKM pantau negara luar menerusi sistem merit

Putrajaya: Kementerian Kesihatan memantau negara luar menerusi Sistem Merit bagi menilai risiko pengimportan jangkitan COVID-19 ke Malaysia.

Menerusi sistem merit itu, kementerian sudah mengenal pasti enam kriteria sebelum warga-negara sesebuah negara itu disekat kemasukannya. Antaranya ialah jumlah kes COVID-19 yang dicatatkan oleh negara terabit dalam tempoh 14 hari terkebelakang serta kadar insiden per sejuta penduduk dalam tempoh sama.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya juga melihat jumlah kematian dalam tempoh 14 hari, indeks pemu-

lihan serta kes kumulatif COVID-19 melebihi 15,000 kes.

"Setiap negara dinilai berdasarkan kriteria yang dinyatakan dan diletakkan di bawah kategori risiko tertentu

"Hasil penilaian terhadap semua 23 buah negara yang di-

kenakan sekatan perjalanan ke Malaysia didapati mempunyai risiko tinggi membawa masuk jangkitan COVID-19 ke dalam negara kita," katanya pada sidang media, semalam.

Pemantauan itu dibuat kementerian selepas melihat kenaikan mendadak kes import COVID-19 di Malaysia.

Dr Noor Hisham berkata, sejak 3 April hingga 9 September lalu, jumlah pengembara yang masuk ke Malaysia adalah seramai 119,268 orang.

Daripada jumlah berkenaan 995 disahkan positif COVID-19, iaitu 742 kes dikesan ketika saringan ketibaan dan 253 kes dikesan daripada saringan kedua pada hari ke-13.

Fakta Nombor

995 kes

pengembara masuk ke Malaysia sejak 3 April hingga 9 September positif COVID-19

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : LOKAL

Catat 45 kes jangkitan baharu semalam

Kuala Lumpur: Sebanyak 45 kes baharu Covid-19 dikesan sehingga jam 12 tengah hari semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 9,628 kes dengan 333 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, satu kes import dilaporkan di Selangor iaitu warganegara Malaysia yang pulang dari Brazil.

Menurutnya, daripada 44

kes penularan di dalam negara, 11 adalah dalam kalangan warganegara dan 33 bukan warganegara.

"Berdasarkan perincian empat kes iaitu dua daripada Kluster Telaga serta masing-masing satu daripada Kluster Sungai dan saringan bergejala di Klinik Kesihatan Simpang Kuala yang mana beliau sudah dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah.

"Di Sabah, terdapat 40 kes daripada Kluster Benteng LD dengan 33 kes membabitkan bukan warganegara," katanya pada sidang media Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 24 kes pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya sebanyak 9,167 kes (95.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

"Sehingga kini, terdapat sembilan kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), yang mana lima kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada pertambahan kes kematian dilaporkan hari ini (semalam), justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia kekal sebanyak 128 kes (1.34 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)," katanya.

Oleh Amir Abd Hamid
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Enam kriteria dikenal pasti sebelum kerajaan membuat keputusan drastik mengenakan sekatan perjalanan ke atas negara berisiko tinggi yang mengambil kira potensi gelombang ketiga penularan jangkitan Covid-19 menjelang musim sejuk.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kriteria penilaian risiko pengimportan jangkitan virus itu adalah berdasarkan *Scoring Board*: Sistem Merit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mengguna pakai data dari *Europe CDC* dan *Our World in Data*.

"Enam kriteria berkenaan termasuk bilangan kes Covid-19 dalam tempoh 14 hari kebelakangan; kadar insiden per sejuta penduduk dalam tempoh 14 hari kebelakangan.

"Selain itu, kadar kematian 14 hari kebelakangan per sejuta penduduk; kadar kematian kes kumulatif; indeks pemulihan dan kes melebihi 150,000," katanya.

KENAL PASTI 6 KRITERIA

Kerajaan buat penilaian sebelum laksana sekatan perjalanan ke atas negara berisiko tinggi



Bagi pemegang Pas Ekspatriat dan pekerja mahir, mereka perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan JIM"

Ismail Sabri

Beliau berkata demikian pada sidang media semalam mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pemulihan (PKP) hari ke-177 dan hari ke-93 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Ismail Sabri berkata, tindakan itu diambil bagi memastikan jangkitan kes import dapat dikawal dan

melindungi rakyat Malaysia dari ancaman gelombang ketiga Covid-19 menjelang musim sejuk di negara yang berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, sekatan perjalanan ini tidak membabitkan semua pihak kerana diplomat asing dan ahli keluarga serta delegasi dari luar negara bagi urusan berkaitan hubungan dua hala masih dibenarkan masuk.

Katanya, susulan pengumuman sekatan kemasukan pemegang Pas Jangka Masa Panjang, Mesyuarat Khas Menteri semalam bersetuju memberi sedikit kelonggaran untuk membenarkan Pemegang Pas Ekspatriat dan Pekerja Mahir dari negara terbabit memasuki Malaysia.

"Bagi pemegang Pas

Ekspatriat dan pekerja mahir, mereka perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan surat sokongan dari Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) atau agensi berkaitan.

"Bagi penduduk tetap dan pasangan warganegara Malaysia, mereka boleh memohon dengan JIM untuk memasuki Malaysia dengan syarat perjalanan sehalu sahaja. Pemegang Pas Pelajar dari negara yang terbabit juga dibenarkan masuk ke Malaysia dengan memohon JIM terlebih dahulu.

"Bagaimanapun JIM tidak akan menerima permohonan pas penuntut baharu," katanya.

Sempadan Johor-Singapura bakal dibuka

Iskandar Puteri: Sempadan Johor-Singapura akan dibuka dalam masa terdekat sekiranya sistem kemasukan terhadap iaitu sistem Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) dan Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA) berjalan lancar serta berjaya.

Menteri Besar Datuk Hasni Mohammad berkata, isu sempadan adalah perkara yang membabitkan hubungan dua hala antara negara dikendalikan Kerajaan Persekutuan selain memerlukan perbincangan sebelum capai kata putus.

Menurutnya, sejak sistem

kemasukan RGL dan PCA dibuka pada 17 Ogos hingga 31 Ogos lalu, 8,597 individu menggunakan skim itu.

"Sehingga 31 Ogos lalu, 327 individu menggunakan sistem RGL yang mana 45 keluar dari negeri ini dan 282 pula masuk ke Johor Bahru. Manakala 8,270 individu lagi menggunakan sistem PCA membabitkan 6,784 individu keluar dan 1,486 masuk.

"Sekiranya sistem ini berjaya, saya yakin, Kerajaan Persekutuan akan membuka pintu sempadan Johor-Singapura dengan

prosedur operasi standard (SOP) terancang.

"Bagi memastikan SOP yang dirancang dapat dipatuhi dan dilaksanakan dengan baik, kerajaan negeri mengambil langkah proaktif dengan menyelaras pembabitkan agensi yang berada di barisan hadapan, termasuk mampu melakukan pemeriksaan Covid-19 dengan kapasiti 2,000 individu yang masuk sehari," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Andrew Chen (DAP-Stulang)** pada

Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Ketiga Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor ke-14 di Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar, semalam.

Mengulas lanjut, Hasni berkata, penutupan sempadan Johor-Singapura memberi kesan langsung terhadap ekonomi Johor.

Katanya, dianggarkan lebih 50 peratus daripada perbelanjaan pelancong asing yang menjadi penyumbang utama sektor perniagaan di Johor, kini menyusut berikutan penutupan sempadan.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : LOKAL

KKM rekod 465 kes cubaan bunuh diri

Petaling Jaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 465 kes cubaan bunuh diri yang dilaporkan dan menerima rawatan di hospitalnya sejak Januari hingga Jun tahun ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, jumlah itu berkurangan 210 kes berbanding tempoh sama pada 2019 iaitu 675 kes.

Beliau berkata, KKM sudah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menangani isu tingkah laku bunuh diri termasuk kempen Let's TALK

Minda Sihat bermula sejak 2019 dan adalah perkongsian pintar bersama agensi kerajaan, swasta serta badan bukan kerajaan (NGO).

Ini katanya, sebagai usaha mengatasi stigma dan menggalakkan masyarakat mendapatkan bantuan awal bagi masalah kesihatan mental dialami.

"Perkataan TALK di dalam tajuk kempen ini adalah singkatan kepada: *T-Tell someone you trust about your problems* (Berkongsi masalah yang dihadapi dengan



DR Adham

orang yang dipercayai). *A-Ask for help* (Meminta pertolongan). *L-Listen without judgement* (Mendengar tanpa menghukum atau menghakimi). *K-Know where to seek help* (Mengetahui di mana untuk mendapatkan bantuan).

"Sempena Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia pada 10 September setiap tahun, kempen Let's TALK Minda Sihat kali ini berte-makan Kesihatan Mental Milik Semua, Bersama Cegah Bunuh Diri," katanya.

Terima 11,791 panggilan talian sokongan psikososial

Petaling Jaya: Sebanyak 11,791 panggilan diterima talian sokongan psikoso-sial sejak 25 Mac hingga akhir Ogos lalu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba ber-kata, daripada jumlah itu, 50 peratus pemanggil mengutarakan isu yang memerlukan sokongan emosi dan kaunseling seperti tekanan, risau serta putus harapan.

Katanya, antara punca pemanggil menggunakan talian ini adalah faktor so-sial seperti hilang pekerjaan, tiada sumber penda-patan, masalah hubungan interpersonal, isolasi dan pengurangan akses kepada perkhidmatan bantuan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Selain itu pemanggil yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan Co-vi-d-19 sebanyak 17 peratus, isu rumah tangga termasuk penderaan dan kega-nasan sebanyak 8 peratus; masalah kewangan serta

isu bantuan kewangan dan sumbangan sebanyak 7.4 peratus dan masalah psi-kiatri sebanyak 3.4, pera-tus.

"Pandemik Covid-19 tu-rut mendatangkan impak besar kepada segenap la-pisan masyarakat teruta-ma mereka yang memang mempunyai masalah kesi-hatan mental dan penyakit mental.

"Setiap lapisan masya-rakat terkesan dengan si-tuasi semasa terutama da-lam tempoh PKP yang bermula pada 18 Mac lalu sehingga Perintah Kawa-lan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dilanjutkan hingga 31 Disember 2020," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmi-kan pusat aktiviti dan pe-ngurusan krisis Persatuan Kesedaran dan Sokongan Penyakit Mental (MIASA) iaitu *The Orchid Clubhouse* sempena Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia 2020, di sini, semalam.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

4

Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo! JUMAAT 11 SEPTEMBER 2020

Kluster Benteng LD rekod 40 kes harian

PUTRAJAYA – Kluster Benteng LD di Sabah merekodkan 40 kes semalam membabitkan 33 tahanan warga asing dan satu tahanan warga Malaysia di Tawau.

Enam kes lagi membabitkan ahli keluarga kakitangan penjara iaitu anak kakitangan penjara selain seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun, cucu saudara kepada kes ke-9,395.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, bagi Kluster Benteng LD, jumlah saringan dijalankan ke atas seramai 2,679

individu di Tawau dan Lahad Datu.

"Jika kita lihat kluster ini, kes indeks membabitkan dua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan ketika disaring, mereka tiada gejala seperti demam lalu ditempatkan di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu dan Penjara Tawau.

"Walaupun tidak bergejala tetapi bila diletakkan dalam satu sel yang sama, jangkitan boleh berlaku, justeru kalau boleh diasingkan tahanan dengan yang sedia ada.

"Ini kerana, apabila ujian RT-PCR didapati negatif, seharusnya jangan campurkan tahanan baharu dengan yang lama kerana tempoh inkubasi Covid-19 ialah 14 hari," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, empat lagi kes penularan tempatan ialah di Kedah iaitu satu daripadanya ialah Kluster Sungai membabitkan seorang lelaki pekerja hospital swasta berusia 40 tahun.

Katanya, dua lagi kes baharu dilaporkan dalam Kluster Telaga

membabitkan wanita berusia 53 tahun iaitu ibu kepada kes ke-9,306 melibatkan petugas hospital lelaki berusia 30 tahun yang dilaporkan positif pada 28 Ogos lalu.

Beliau berkata, adik perempuan kepada petugas hospital tersebut berusia 26 tahun juga dilaporkan positif Covid-19 semalam.

"Satu lagi kes di Kedah ialah kes saringan bergejala di Klinik Kesihatan Simpang Kuala dan telah dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah," katanya.

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	45
Import: 1 Tempatan: 44	
• Pulih	24
• Kematian	0
• Masih dirawat	333
• Jumlah kes sembuh	9,167
• Jumlah Kematian	128
Jumlah kes keseluruhan	9,628

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

6

Jangan Putus Asa
#Malaysia
Sinar

N NASIONAL

JUMAAT 11 SEPTEMBER 2020 • SINAR HARIAN

Sekatan 28 mukim di Kota Setar



Pelaksanaan PKPD secara pentadbiran akan dikuatkuasakan di 28 mukim di Kota Setar, Kedah bermula jam 12.01 tengah malam tadi sehingga 25 September ini bagi membendung penularan Covid-19.

Melibatkan seramai 366,787 orang penduduk secara keseluruhan

PUTRAJAYA

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran dikuatkuasakan di 28 mukim di Kota Setar, Kedah bermula jam 12.01 tengah malam tadi sehingga 25 September ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia akan membabitkan seramai 366,787 orang penduduk secara keseluruhannya.

Menurutnya, perkara itu diputuskan pada mesyuarat khas semalam selepas mengambil kira

peningkatan kes positif coronavirus (Covid-19) Kluster Sungai dan Kluster Tawar di daerah berkenaan.

"Ia juga selaras dengan cadangan oleh Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor," katanya pada sidang media perkembangan terkini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di sini semalam.

Beliau berkata, prosedur operasi standard (SOP) di daerah tersebut adalah sama seperti SOP PKPD pentadbiran yang lain termasuk larangan keluar dan masuk di kawasan berkenaan.

"Individu yang perlu keluar masuk dan yang ingin keluar masuk untuk bekerja juga tidak dibenarkan di kawasan PKPD."

"Saya berharap majikan mengambil maklum tentang perintah ini. Ia bukan atas kehendak pekerja mereka tetapi atas perintah yang dikeluarkan kerajaan yang menyebabkan mereka

tidak dapat bekerja," katanya.

Ismail Sabri berkata, sepanjang tempoh tersebut, kemasukan melalui pintu masuk antarabangsa di Bukit Kayu Hitam juga dihentikan, manakala perkhidmatan feri di jeti Kuala Kedah juga tidak dibenar beroperasi.

Menurutnya, turut diarah tutup ialah masjid dan rumah ibadat, semua institusi berkaitan pendidikan, pasar tani dan pasar malam, selain aktiviti sukan, rekreasi dan sosiobudaya.

"Hanya premis perniagaan yang menyediakan perkhidmatan perlu dibenar beroperasi seperti premis menjual makanan, kedai runcit, warung, stesen minyak, farmasi, klinik dan hospital."

"Perkhidmatan lain seperti kilang perlu memohon kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu sebelum dibenar beroperasi. Restoran dan kedai makan walaupun dibenarkan hanya boleh menggunakan kaedah take away dan beroperasi dari jam 8 pagi sehingga 8 malam."

"Klinik dan hospital dibenarkan beroperasi 24 jam, manakala waktu operasi farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan dibenarkan sehingga jam 8 malam. Stesen minyak dan kedai runcit pula boleh beroperasi dari jam 8 pagi sehingga 8 malam, pasar harian pula dari jam 6 pagi sehingga 2 petang," katanya.

Beliau turut menegaskan hanya ketua atau seorang wakil keluarga dibenar keluar untuk menjalankan sebarang urusan harian.

Sementara itu, Ismail Sabri turut mengumumkan lanjutan tempoh PKPD secara pentadbiran di Amanjaya, Sungai Petani selama tiga hari lagi sehingga 13 September ini bagi memberi ruang kepada KKM menyempurnakan keputusan saringan kedua Covid-19 di kawasan itu. - Bernama

Sultan minta rakyat Kedah tenang hadapi Covid-19

ALOR SETAR - Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah menzahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan Kedah kerana telah merancang dan mengambil tindakan yang bertepatan bagi menghadapi gelombang kedua pandemik coronavirus (Covid-19).

Sultan Sallehuddin turut bertitah agar rakyat Kedah kekal tenang, berhati-hati dan sentiasa patuh kepada arahan kerajaan supaya sentiasa berada di rumah dan hanya keluar apabila perlu.

"Rakyat tidak boleh ambil mudah dengan arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan," titah baginda dalam satu kenyataan di sini semalam.

Titah Sultan Sallehuddin lagi, rakyat tidak boleh memandang remeh SOP yang telah ditetapkan kerana keingkaran mematuhi mendedahkan diri kepada bahaya dan risiko untuk dijangkiti Covid-19.

"Beta dan Sultanah Kedah, Sultanah Maliha Tengku Arif serta seluruh keluarga kerabat diraja negeri Kedah sentiasa mendoakan keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negeri Kedah kembali bebas daripada wabak Covid-19," titah baginda.



PKPD KOTA SETAR

- Dikuatkuasakan di 28 mukim
- Melibatkan seramai 366,787 orang penduduk
- Dari 11 hingga 25 September 2020
- Susulan peningkatan kes positif Covid-19 Kluster Sungai dan Kluster Tawar

LARANGAN

- Keluar masuk daerah
- Keluar masuk bekerja
- Aktiviti sukan, sosial dan budaya

PKPD secara pentadbiran bagi tempoh sama di Penjara Tawau, Sabah

PUTRAJAYA - Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran turut dikenakan bagi tempoh sama di Penjara Tawau, Sabah selepas mengambil kira penularan kes jangkitan positif di lokasi berkenaan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia akan melibatkan banduan, anggota dan ahli keluarga jabatan penjara di Penjara Tawau.

Menurutnya, perintah keluar masuk juga dikenakan iaitu mereka berada dalam kawasan PKPD penjara tidak dibenar keluar dan tiada pengunjung dari luar untuk masuk ke dalam kawasan penjara.

"Rakyat di kawasan Tawau dan Lahad Datu tidak perlu gusar dengan kenaikan kes positif coronavirus (Covid-19) di penjara ini kerana mereka telah terkurung dan berada di dalam kawasan penjara."

"Jadi, kemungkinan atau peluang kes disebarkan kepada orang ramai adalah terhad, yang ada memang sudah terkurung di dalam itu," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • JUMAAT 11 SEPTEMBER 2020

MEMERANGI WABAK COVID-19



Asingkan tahanan lama dan baharu

KKM kenal pasti ruang sempit dan sesak jadi punca jangkitan di Kluster Benteng LD

Oleh **TUAN BUQHAI RAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menyaran agar tahanan lama dan baharu diletak dalam sel lokap atau penjara berasingan.

Menurutnya, pengasingan tahanan itu perlu dilakukan sehingga tempoh 14 hari meskipun ujian saringan Covid-19 adalah negatif.

"Jangan campur tahanan lama dan baharu kerana tempoh

inkubasi bagi virus ini adalah 14 hari," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriananya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas sama ada berlaku ketidakpatuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) di Lahad Datu sehingga mencetuskan Kluster Benteng LD.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengenal pasti dua kes indeks bagi kluster berkenaan.

"Kes indeks merupakan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang masing-masing dihantar ke lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu dan Penjara Tawau.

"Kluster Benteng LD dikesan



DR NOOR HISHAM

Kluster Benteng LD dikesan KKM pada 1 September lalu. Dalam tempoh 10 hari, ia telah merekodkan 170 individu termasuk pegawai penjara dan ahli keluarga."

san KKM pada 1 September lalu. Dalam tempoh 10 hari, ia telah merekodkan 170 individu termasuk pegawai penjara dan ahli keluarga," katanya.

Setakat ini, seramai 3,449 individu telah disaring manakala 1,491 masih menunggu keputusan.

Sebelum ini, KKM telah mengenal pasti ruang sempit dan sesak menjadi punca wabak berkenaan menjangkiti ramai individu.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 45 kes baharu positif Covid-19 di-

catatkan di Malaysia semalam dengan 44 kes merupakan penularan dalam negara.

"Daripada 44 kes tersebut, 11 kes merupakan penularan dalam kalangan rakyat tempatan dan 33 kes merupakan warga asing.

"Di Kedah, KKM merekodkan empat kes iaitu dua daripada Kluster Telaga dan masing-masing satu daripada Kluster Sungai dan saringan bergejala di Klinik Kesihatan Simpang Kuala," katanya.

Menurutnya, di Sabah, sebanyak 40 kes daripada Kluster Benteng LD dikesan di mana

33 daripadanya melibatkan warga asing.

"Satu kes import dilaporkan di Selangor iaitu seorang rakyat tempatan yang pulang dari Brazil," katanya.


Noor Hisham berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes Covid-19 di Malaysia kini adalah sebanyak 9,628 kes.

"Seramai sembilan pesakit kini dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan lima daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian adalah kekal sebanyak 128 kes iaitu 1.33 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 24 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 15
 RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN • JUMAAT 11 SEPTEMBER 2020

NASIONAL

15

#JanganPutusAsa
#Malaysia

465 kes cubaan bunuh diri

Hilang pekerjaan, tiada sumber pendapatan dan pengurangan akses kepada perkhidmatan bantuan sewaktu PKP

PETALING JAYA

Sebanyak 465 kes cubaan bunuh diri dirujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tempoh dari Januari hingga Jun pada tahun ini berbanding sebanyak 675 kes dalam tempoh yang sama pada tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, KKM telah mewujudkan Talian Sokongan Psikososial sejak 25 Mac lalu dengan kerjasama Mercy Malaysia bagi membantu menangani isu berkenaan dan agensi-agensi kerajaan lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut mewujudkan talian bantuan ma-

sing-masing.

Menurutnya, secara keseluruhan sejak 25 Mac hingga hujung Ogos lalu, sebanyak 11,791 panggilan telah diterima oleh talian-talian berkenaan dan setiap pemanggil mempunyai purata tiga isu dengan 50 peratus isu yang dirujuk memerlukan sokongan emosi serta kaunseling seperti stres, risau dan putus-harapan.

"Ia berpunca daripada faktor-faktor seperti hilang pekerjaan, tiada sumber pendapatan, masalah hubungan interpersonal, isolasi dan pengurangan akses kepada perkhidmatan bantuan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya ketika merasmikan The Orchid Clubhouse Persatuan Kesedaran dan Sokongan Penyakit Mental (MIASA) sempena Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia 2020 di sini semalam.

Dr Adham berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan lebih 800,000 orang membunuh diri setiap tahun dengan purata satu kejadian bunuh diri setiap 40 saat.



Dr Adham (tiga dari kanan) bersama Penaung Diraja MIASA, Tengku Puteri Raja Tengku Puteri Iman Afzan Al-Sultan Abdullah (tiga dari kiri) selepas majlis pelancaran The Orchid Clubhouse MIASA di Petaling Jaya semalam.

Menurutnya, secara global, kejadian bunuh diri adalah antara 20 penyebab utama kematian bagi semua peringkat umur dan satu daripada tiga penyebab utama kematian dalam kalangan umur 15 hingga 44 tahun.

Sementara itu, Dr Adham berkata, tema hari pencegahan

bunuh diri pada tahun ini iaitu 'Let's TALK Minda Sihat: Kesihatan Mental Milik Semua, Bersama Cegah Bunuh Diri' bertepatan dengan situasi pandemik coronavirus (Covid-19) yang mempunyai impak signifikan terhadap kesihatan mental.

Menurutnya, selain kempen dan promosi, KKM juga telah menyediakan perkhidmatan mental termasuk di 1,001 klinik kesihatan mental seluruh Malaysia, empat institusi mental, 66 hospital kerajaan dan 28 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari). - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NEGERI

Sasaran 80 penderma darah tercapai

KELANA JAYA – Sasaran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mendapatkan sekurang-kurangnya 80 orang penderma darah melalui kempen Jom Derma Darah sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2020 akhirnya tercapai.

Seramai 87 individu telah menderma darah pada program yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Darah Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia di Wisma Ungku A Aziz, Kelana Jaya semalam.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, program itu merupakan salah satu inisiatif yang dirancang oleh Angkasa bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dalam pentingnya menderma darah terutama untuk membantu menampung keperluan bekalan darah negara yang menyusut sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Beliau yang juga Presiden ASEAN Co-operative Organization berkata,



Abdul Fattah (dua dari kanan) bermesra dengan penderma darah sewaktu program Coop Care Jom Derma Darah sempena Hari Kebangsaan 2020 anjuran Angkasa dengan kerjasama Pusat Darah Negara semalam.

Angkasa sentiasa berusaha menunaikan tanggungjawab sosial koperasi melalui payung Coop Care yang dirangka dalam memenuhi Prinsip Koperasi Ketujuh iaitu Berperihatin Terhadap Masyarakat.

“Kita mahu koperasi dilihat sebagai institusi yang bukan sahaja mementingkan pembangunan ekonomi, malah menitikberatkan kesejahteraan sosial serta dekat di hati masyarakat supaya dapat menarik minat orang ramai untuk berkoperasi,” katanya ketika ditemui semalam.

Turut hadir, Naib Presiden Angkasa, Datuk Mohamad Ali Hasan dan

Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Wilayah Persekutuan, Zulkifli Jamaludin.

Program sehari itu turut diisi dengan ceramah oleh Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, Dr. Nazirul Akmal mengenai amalan norma baharu di tempat kerja dan perkongsian pengalaman langsung mantan Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia, Ariffin Mamat sebagai pesakit Covid-19.

Majlis turut menyaksikan pelancaran buku travelog yang ditulis oleh Ariffin bertajuk *CoronaVirus: Hikmah Dalam Musibah*.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kluster Benteng penyumbang terbesar kes positif wabak

45 kes baharu Covid-19

Oleh HASIF IDRIS
utusannews@mediamula.com.my

PUTRJAYA: Jangkitan Covid-19 merekodkan 45 kes baharu semalam dengan 40 daripada mereka berpunca daripada Kluster Benteng di Lahad Datu, Sabah.

Jumlah tersebut menyebabkan angka jangkitan meningkat kepada 9,628 kes dengan jumlah kes aktif kebolehjangkitan adalah 333 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 40 kes Kluster Benteng, 34 melibatkan banduan manakala enam ahli keluarga kakitangan penjara.

"Seramai 2,769 individu disaring iaitu di Tawau (1,909) dan Lahad Datu (770). Sehingga se-



NOOR HISHAM ABDULLAH

malam, 83 kes dikesan positif Covid-19 di Tawau manakala 1,201 individu masih menunggu keputusan.

"Daripada 45 kes baharu, terdapat satu kes import di Selangor yang melibatkan rakyat tempatan yang pulang dari Brazil," kata beliau dalam laporan harian mengenai perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Menurut beliau, bagi 44 kes penularan dalam negara, 11 melibatkan rakyat tempatan manakala 33 bukan warganegara.

Dr. Noor Hisham berkata, baki empat kes melibatkan Kluster Sungai (1 kes), Kluster Telaga (2 kes) serta satu kes saringan bergejala di Klinik Kesihatan Simpang Kuala dan pesakit dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah.

Mengenai Kluster Benteng, beliau menyarankan supaya

setiap banduan baharu dan lama diasingkan di dalam lokap berlainan walaupun ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)* adalah negatif.

